A

MAHMAD BIDIN lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KOTA BHARU
AHMAD BACHE PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42S(A)21-6-2014]
26 MEI 2015

B

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan – Seksyen 376 – Rogol – Mangsa berumur 14 tahun tiga bulan – Mangsa dirogol oleh pegawai polis (perayu) di balai polis– Perayu dihukum penjara 15 tahun dan lapan kali sebatan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Intipati kesalahan rogol – Sama ada berjaya dibuktikan – Sama ada terdapat keterangan menunjukkan perancangan dan persediaan perayu melakukan rogol – Akta Keterangan 1950, s. 8*

C

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan ke Mahkamah Tinggi – Alasan-alasan rayuan – Kes separuh didengar oleh Hakim Mahkamah Sesyen – Tingkah laku saksi-saksi terdahulu – Sama ada dicabar oleh perayu – Sama ada Hakim Mahkamah Sesyen kedua mempunyai kelebihan audio dan visual untuk melihat tingkah laku saksi utama – Sama ada peruntukan s. 261 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) dipatuhi*

D

KETERANGAN: *Keterangan sokongan – Rogol – Mangsa bawah umur – Sama ada keterangan mangsa memerlukan keterangan sokongan – Sama ada keterangan mangsa amat menyakinkan – Sama ada terdapat kelemahan keterangan sokongan kepada keterangan mangsa – Sama ada sabitan boleh dibuat tanpa keterangan sokongan – Laporan perubatan – Sama ada mengukuhkan kes pendakwaan – Akta Keterangan 1950, s. 133A*

E

F

KETERANGAN: *Saksi – Kredibiliti – Kesalahan merogol – Kredibiliti mangsa sebagai saksi – Mangsa berumur 14 tahun tiga bulan ketika dirogol dan 17 tahun lima bulan semasa memberi keterangan – Sama ada mangsa saksi kompeten – Sama ada peruntukan s. 133A Akta Keterangan 1950 dipatuhi*

G

Pengadu, seorang budak perempuan berusia 14 tahun tiga bulan, telah ditangkap berdua-duaan dengan teman lelakinya ('Hasni') oleh abangnya ('SP7') dan kakak iparnya ('SP8'). Ketua Balai Polis Binjai ('perayu') telah mengikuti SP7 ke rumahnya di mana tangkapan telah dibuat ke atas Hasni. Hasni kemudiannya dibawa ke Balai Polis Binjai. SP7 termasuk pengadu juga mengekori perayu ke Balai Polis Binjai. Di Balai Polis Binjai, perayu telah

H

memanggil pengadu untuk naik ke biliknya. SP7 diminta oleh perayu untuk menunggu di lobi kerana perayu hendak mengambil keterangan pengadu sahaja. Di dalam bilik pejabat perayu, perayu memberitahu pengadu bahawa dia ingin mengetahui bagaimana Hasni melakukan hubungan dengan pengadu. Kemudiannya, perayu menyuruh pengadu membuka seluarnya dan

I

menyuruh pengadu berbaring di atas sofa. Perayu telah menjilat kemaluan pengadu dan selepas itu memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan

pengadu sehinggalah air mani dipancutkan di atas perut pengadu. Semasa melakukan hubungan, perayu telah memesan kepada pengadu agar tidak memberitahu sesiapa tentang kejadian yang berlaku. Apabila pengadu turun ke lobi, perayu telah memaklumkan bahawa laporan polis tidak boleh dibuat ke atas Hasni atas sebab pengadu bukan lagi bawah umur kerana undang-undang telah berubah. Kemudiannya, perayu meminta SP7 naik ke biliknya untuk membincangkan, antara lain, cara menggugurkan kandungan pengadu sekiranya pengadu mengandung. Pada keesokan harinya, pengadu telah menceritakan kepada SP8 kejadian semasa berada di bilik perayu. Ekoran daripada laporan polis yang dibuat oleh pengadu, perayu telah ditangkap. Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') telah mensabitkan perayu bagi satu pertuduhan merogol di bawah s. 376(1) Kanun Keseksaan dan perayu telah dikenakan hukuman 15 tahun penjara bermula dari tarikh jatuh hukum dan lapan sebatan. Dalam rayuan terhadap sabitan dan hukuman, perayu telah mengemukakan beberapa alasan di dalam petisyen rayuannya, antaranya: (i) peruntukan s. 261 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') tidak dipatuhi dan prosiding adalah cacat; (ii) peruntukan s. 133A Akta Keterangan 1950 ('Akta') tidak dipatuhi; (iii) kelemahan keterangan sokongan kepada keterangan pengadu; dan (iv) laporan pakar perubatan (SP1 dan SP2) tidak mengukuhkan kes pendakwaan.

Diputuskan (menolak rayuan; mengesahkan sabitan dan hukuman):

(1) HMS kedua telah bertindak dengan betul di atas keterangan yang telah direkodkan oleh HMS pertama. Perayu diwakili oleh peguam yang kompeten, berkelayakan serta berpengalaman luas yang telah bersetuju untuk tidak memohon memanggil semula saksi-saksi. Oleh itu, tidak timbul apa-apa prejudis kepada mana-mana pihak. Jika pun terdapat apa-apa kecacatan, ianya boleh diubah oleh s. 422 KTJ. (perenggan 13 & 14)

(2) Petisyen rayuan dan hujahan perayu tidak melibatkan demeanour saksi-saksi terdahulu yang telah dipanggil oleh HMS pertama. Keterangan saksi-saksi yang telah dipanggil tidak dicabar semasa perbicaraan dahulu. Tambahan lagi, keterangan saksi utama iaitu pengadu bukan didengar oleh HMS pertama tetapi didengar oleh HMS kedua. HMS kedua mempunyai 'audio and visual advantage' untuk melihat demenour saksi utama ini. Sekiranya peguambela bermaksud untuk mencabar kredibiliti saksi-saksi, sewajarnya beliau harus memohon untuk merekodkan hal ini di bawah s. 271 KTJ. Namun perkara ini tidak dipohon oleh peguambela sekaligus boleh diandaikan, peguambela tidak mempertikaikan demeanour saksi-saksi tersebut. (perenggan 14)

(3) Seksyen 133A Akta hanya merujuk kepada kanak-kanak yang masih mentah, dan tidak memahami sumpah. Umur mentah dan juga kefahaman kepada sumpah diambil kira semasa memberi keterangan dan bukannya umur semasa kejadian. Pengadu bukan seorang kanak-kanak

A yang masih mentah tetapi merupakan seorang saksi yang matang, kredibel dan boleh dipercayai. Ini adalah kerana walaupun pada masa kejadian pengadu berusia 14 tahun 3 bulan, namun pada masa perbicaraan pengadu telah pun berusia 17 tahun 5 bulan. Sehubungan dengan itu, keterangan pengadu boleh diterima dan tidak tertakluk
B kepada s. 133A Akta. (perenggan 18, 20, 25, 34 & 35)

(4) Pada dasarnya, kes seksual tidak memerlukan keterangan sokongan. Keterangan sokongan bagi kes seksual adalah hanya atas amalan dan pruden sahaja; ia bukan merupakan suatu tuntutan undang-undang. Pengadu adalah seorang saksi yang kredibel dan keterangan pengadu
C boleh berdiri dengan sendirinya. Oleh itu, mahkamah berpuas hati bahawa HMS telah membuat penilaian keterangan pengadu sebagai 'unusually convincing' dan mengambil keterangan pengadu tanpa perlu sokongan adalah tepat. HMS juga telah melihat dan menilai dengan sendiri demeanour pengadu semasa memberi keterangan dan
D memutuskan bahawa keterangan pengadu adalah amat meyakinkan sehingga tidak memerlukan keterangan sokongan. (perenggan 26, 27 & 28)

(5) Pengadu diarahkan oleh perayu untuk naik ke bilik perayu dan SP7 telah dihalang oleh perayu dan diarahkan untuk tidak mengikuti mereka ke
E bilik perayu. Ini menunjukkan perancangan dan persediaan perayu untuk melakukan perbuatan rogol. Keterangan-keterangan ini boleh diterima masuk di bawah s. 8 Akta yang menunjukkan 'conduct preparation and opportunities'. (perenggan 32)

(6) Berdasarkan keseluruhan keterangan, kejadian berlakunya rogol ini
F adalah amat munasabah dan 'highly probable'. Waktu yang begitu lama pengadu berada di bilik perayu menguatkan wujudnya kejadian ini kerana pertanyaan dan siasatan perayu sewajarnya memakan masa sekejap sahaja. Selanjutnya, perlakuan perayu yang berbincang terus, antara lain, dengan SP7 tentang kebimbangan perayu jika pengadu
G mengandung menyokong fakta bahawa kejadian rogol memang berlaku. Perlakukan perayu sedemikian sekali lagi menyokong kebenaran keterangan pengadu dan boleh diterima masuk di bawah s. 8 Akta. Selain itu, HMS juga adalah betul apabila mengambilkira perkara-perkara pengadu menceritakan kejadian rogol ini kepada SP8. Ini adalah
H satu bentuk sokongan kepada pengadu. (perenggan 32)

(7) SP1 dan SP2 telah mengesahkan ada koyakan lama pada kemaluan pengadu. Penemuan ini adalah satu bentuk sokongan kepada pengadu bahawa dia ada melakukan hubungan seks dangan Hasni sebelum perayu merogolnya. Penemuan koyakan lama ini bukannya menidakkan

I

keterangan pengadu bahawa perayu telah merogolnya. Bagi kesalahan rogol, intipati yang perlu dibuktikan adalah kemasukan, dan bukannya koyakan. Pengadu telah memberitahu ada kemasukan kemaluan perayu ke dalam kemaluannya dan ini telah disahkan oleh keterangan SP1 dan SP2 dan laporan-laporan perubatan. (perenggan 36 & 37)

(8) HMS adalah betul apabila memutuskan wujudnya elemen 'penetration' sekaligus membuktikan kesalahan rogol telah berlaku. Di akhir kes pembelaan, HMS telah membuat penilaian yang maksima terhadap keterangan pembelaan dan mendapati bahawa ianya gagal menimbulkan keraguan yang munasabah. Oleh itu, sabitan perayu oleh HMS adalah betul dan selamat. (perenggan 39)

(9) Perayu telah dengan curangnya menyatakan bahawa pengadu bukan lagi di bawah umur apabila diajukan persoalan tentang laporan polis. Perayu juga telah mengambil masa tugasan dan menggunakan kesempatan orang yang hendak melaporkan kes kepada polis untuk kepentingan memuaskan nafsu sendiri. Kesalahan sebegini adalah kesalahan serius dan apabila dilakukan oleh seorang pegawai polis menambahkan lagi kesan seriusnya. Oleh itu, hukuman yang dijatuhkan oleh HMS adalah betul dan selamat. (perenggan 52-55)

Kes-kes yang dirujuk:
Abdul Hamid Udin v. PP [2000] 1 LNS 198 HC ***(dirujuk)***
Andy Bagindah v. PP [2000] 3 CLJ 289 CA ***(dirujuk)***
Aziz Muhamad Din v. PP [1997] 1 CLJ Supp 523 HC ***(dirujuk)***
Brabakaran v. PP [1965] 1 LNS 12 FC ***(dirujuk)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2004] 3 CLJ 737 FC ***(dirujuk)***
Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2015] 2 CLJ 145 FC ***(dirujuk)***
Karthiyayani & Anor v. Lee Leong Sin & Anor [1974] 1 LNS 61 FC ***(dirujuk)***
Liew Kim Yong v. PP [1989] 2 CLJ 914; [1989] 2 CLJ (Rep) 819 ***(dirujuk)***
Mohd Nahar Abu Bakar v. PP [2013] 5 CLJ 977 CA ***(dirujuk)***
Mohd Naki Mohd Yusuf v. PP [2014] 7 CLJ 441 FC ***(dirujuk)***
Parbati Devi v. State AIR 1952 Cal 832 ***(dirujuk)***
PP v. Emran Nasir [1986] 1 LNS 69 HC ***(dirujuk)***
PP v. Ling Tee Huah [1980] 1 LNS 212 ***(dirujuk)***
PP v. Mardai [1949] 1 LNS 65 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Mohamad Malek Ridhzuan Che Hassan [2013] 8 CLJ 359 CA ***(dirujuk)***
Ranjit Singh Jit Singh v. PP [2012] 10 CLJ 128 CA ***(dirujuk)***
State of Orissa v. P Parvatisam 1963 AIR Ori 58 ***(dirujuk)***
Zuraimi Bachok v. PP [2013] 3 CLJ 1077 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 261, 271, 422
Evidence Act 1950, ss. 8, 133A
Penal Code, s. 376(1)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Sarkar on the Law of Evidence, 16th edn, vol 2, ms 2844, 2851

Bagi pihak perayu - Naran Singh; T/n Naran Singh & Co
Bagi pihak pendakwaan - Wan Azimah Wan Yaacob; TPR

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Ahmad Bache PK:

Pendahuluan

[1] Ini merupakan satu rayuan yang telah difailkan oleh perayu (OKT) atas sabitan dan hukuman yang telah diputuskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang mensabitkan perayu bagi satu pertuduhan merogol di bawah s. 376(1) Kanun Keseksaan.

[2] Perayu telah dikenakan hukuman 15 tahun penjara bermula dari tarikh jatuh hukum dan lapan sebatan. Seterusnya perayu telah memfailkan notis rayuan, maka inilah rayuan perayu.

Pertuduhan

[3] Pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 15/10/2009 antara lebih kurang 4 petang hingga 6.30 petang di dalam pejabat Ketua Polis Balai, Balai Polis Binjai, di dalam daerah Kota Bharu di dalam Negeri Kelantan telah didapati merogol XXX (K/P: XXX) yang berumur 14 tahun 3 bulan dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Sek. 376 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

Fakta Kes

[4] Fakta kes telah dihuraikan oleh HMS dari ms. 201 hingga 208 rekod rayuan. Namun secara ringkas ianya adalah seperti berikut:

(a) Pengadu (SP9) adalah seorang budak perempuan berusia 14 tahun 3 bulan, bersekolah dalam Tingkatan 2. Beliau bersekolah pada sesi petang. Pada 15 Oktober 2009 iaitu hari Khamis, pada sebelah pagi, pengadu berada di rumah berseorangan kerana ibunya telah keluar bekerja, manakala abangnya (SP7) dan kakak iparnya (SP8) telah keluar ke klinik.

(b) Pengadu telah "ditangkap' berdua-duaan dengan teman lelakinya oleh SP7 dan SP8 apabila mereka balik dari klinik pada kira-kira pukul 9 pagi di rumah tersebut.

(c) Lelaki yang bernama "Hasni" tersebut seterusnya telah ditahan lebih kurang jam 2.30 petang. SP7 dan abang iparnya bernama Adnan telah pergi ke Balai Polis Binjai meminta bantuan polis untuk menangkap lelaki tersebut. Ketua Balai Polis Binjai iaitu perayu dan Koperal Harun telah mengikuti SP7 ke rumahnya. Tangkapan dibuat ke atas lelaki itu (Hasni) dan dibawa ke Balai Polis Binjai. SP7, bersama dengan lima orang keluarganya termasuk pengadu mengekori ke Balai Polis Binjai.

(d) Di Balai Polis Binjai, Hasni dibawa ke bilik soal siasat, manakala SP7 dan keluarganya menunggu di lobi balai kerana perayu ada kes lain. Perayu menyuruh SP7 dan keluarganya menunggu di lobi sehingga dipanggil.

(e) Pada kira-kira pukul 4.30 petang perayu telah dengan sendirinya memanggil pengadu untuk naik ke biliknya di tingkat satu. Semasa pengadu menuju ke tangga untuk naik ke tingkat atas, SP7 mendapat kebenaran daripada anggota polis perempuan di kaunter (SP5) untuk naik menemani pengadu. Semasa menaiki tangga separuh perjalanan, SP7 diminta oleh perayu untuk menunggu di bawah kerana dia hendak mengambil keterangan pengadu sahaja. Oleh itu SP7 turun semula.

(f) Di dalam bilik pejabat perayu, perayu telah bertanyakan pengadu berapa banyak kalikah telah melakukan hubungan dengan Hasni (teman lelaki pengadu). Pengadu menjawab 'ya'. Perayu bertanya lagi "di manakah dia pancutkan air mani"?. Pengadu menjawab "di atas perut". Perayu kemudian menyuruh pengadu berdiri dan menyelak baju untuk melihat kesan yang dibuat oleh teman lelaki pengadu. Perayu kemudian beritahu pengadu bahawa dia ingin tahu bagaimana Hasni lakukan kepada pengadu. Perayu menyuruh pengadu membuka seluar dan kemudian menyuruh pengadu baring di atas sofa. Perayu menyuruh pengadu menanggalkan seluar dan ikut arahannya. Di atas sofa, perayu telah menjilat kemaluan pengadu lebih kurang 15 minit dan selepas itu perayu menindih badan pengadu dan memasukkan kemaluannya ke dalam kemaluan pengadu sehinggalah air mani keluar dipancutkan di atas perut.

(g) Semasa melakukan hubungan seks ini, perayu ada berbual bertanyakan adakah begini yang dilakukan oleh Hasni dan pengadu jawab 'ya'. Selepas perayu pancutkan air mani, perayu menyuruh pengadu bangun dan pergi cuci kemaluan di bilik air. Perayu mengekori pengadu ke bilik air dan memesan agar tidak memberitahu sesiapa apa yang perayu lakukan tadi. Selepas itu perayu arahkan pengadu masuk semula ke bilik perayu dan tidak dibenarkan turun.

(h) Pada lebih kurang 5.30 petang perayu turun ke lobi dan bercakap dengan SP7 (abang pengadu) dan keluarga. SP7 (abang pengadu) bertanya tentang laporan polis yang ingin dibuat ke atas lelaki yang ditangkap di

A rumah mereka tadi. Perayu maklumkan tidak boleh buat laporan polis ke atas lelaki itu kerana pengadu bukan lagi di "bawah umur", kerana undang-undang telah berubah sekarang. Perayu arahkan hanya dua orang ahli keluarga sahaja yang boleh menunggu dan yang lain boleh pulang.

(i) Lebih kurang 6.30 petang perayu menghubungi anggota perempuan di
B bawah meminta SP7 naik ke biliknya. SP7 naik ke bilik perayu bersama Azman (abang ipar). Semasa di dalam bilik perayu, SP7 mendapati pengadu berada di kerusi depan meja perayu. Perayu berbincang dengan SP7 dan Azman sekiranya pengadu mengandung. Perayu mengajar bagaimana untuk menggugurkan kandungan. Perayu juga ada berjanji
C akan membuat sesi kaunseling kepada pengadu selama tiga hari bermula esoknya.

(j) Oleh kerana perayu tidak berpegang kepada janjinya pada hari esoknya SP7 telah menelefon perayu bertanyakan tentang kaunseling dan perayu menyatakan beliau tidak boleh buat sesi kaunseling kerana beliau ada
D hal lain.

(k) Pada sebelah malamnya, jam 8 malam SP7 mendapati pengadu menangis dan beliau dimaklumkan oleh SP8 (kakak ipar) bahawa pengadu menangis kerana memikirkan sesi kaunseling yang akan dilaluinya. Pengadu kemudian menceritakan bahawa semasa berada di bilik perayu
E pada hari kejadian, perayu telah merogolnya.

(l) Pada esoknya iaitu pada 17 Oktober 2009 ekoran daripada laporan polis yang dibuat oleh pengadu, perayu telah ditangkap.

Petisyen Rayuan

F

[5] Pihak perayu (OKT) ada mengemukakan sepuluh alasan di dalam petisyen rayuan. Namun saya akan 'consolidate' kesemuanya seperti di bawah:

(i) Peruntukan s. 261 Kanun Tatacara Jenayah tidak dipatuhi

G (ii) Peruntukan s. 133A Akta Keterangan 1950 tidak dipatuhi

(iii) Kelemahan keterangan sokongan kepada keterangan pengadu/mangsa (pengadu) yang diperolehi dari keterangan doktor, SP1 dan SP2. Laporan Perubatan P2 dan P3, dan Keputusan Laporan Kimia (P8).

H (iv) Pembelaan perayu tidak diberi pertimbangan sewajarnya, terutama D10 dan D11.

[6] Sebelum mahkamah memberi alasan penghakiman ini, izinkan saya menyentuh mengenai prinsip undang-udang yang terpakai di dalam sesuatu rayuan. Ke arah itu saya ingin merujuk kepada keputusan kes *PP v. Mohamad*
I *Malek Ridhzuan Che Hassan* [2013] 8 CLJ 359 (Rayuan Jenayah No: W-09-274-12-2011) bertarikh 29 Julai 2013) yang mana Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

Prinsip Undang-Undang Yang Terpakai Dalam Rayuan

[11] Prinsip undang-undang yang terpakai dalam sesuatu rayuan telah dijelaskan dalam kes *P'ng Hun Sun v. Dato' Yip Yee Foo* [2013] 1 LNS 320; Rayuan Sivil No: W-02-528-2010, apabila Mahkamah Rayuan menyatakan:

> When the finding of the trial judge is factual, however, the fact finder's decision cannot be disturbed on appeal unless the decision of the fact finder is plainly wrong (see *China Airline Ltd v. Maltran Air Corp Sdn Bhd & Another Appeal* [1996] 3 CLJ 163); *Zaharah bt A Kadir v. Ramuna Bauxite Pte Ltd & Anor* [2011] 1 LNS 1015, *Kyros International Sdn Bhd v. Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri* [2013] 3 CLJ 813; [2013] 1 LNS 1). The findings of fact of the trial judge can only be reversed when it is positively demonstrated to the appellate court that:
>
> (a) by reason of some non-direction or mis-direction or otherwise the judge erred in accepting the evidence which he or she did accept; or
>
> (b) in assessing and evaluating the evidence the judge has taken into account some matter which he or she ought not to have taken into account, or failed to take into account some matter which he or she ought to have taken into account; or
>
> (c) it unmistakenly appears from the evidence itself, or from the unsatisfactory reasons given by the judge for accepting it, that he or she cannot have taken proper advantage of his or her having seen and heard the witnesses'; or
>
> (d) in so far aside judge has relied on manner and demeanour, there are other circumstances which indicate that the evidence of the witnesses which he or she accepted is not credible, as for instance, where those witnesses have on some collateral matter deliberately given an untrue answer.

[12] Dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal* [2004] 3 CLJ 737 Abdul Hamid HMP (sebagaimana beliau ketika itu) berkata di ms. 752:

> Clearly, an appellate court does not and should not put a brake and not going any further the moment it sees that the trial judge says that is his finding of facts. It should go further and examine the evidence and the circumstances under which that finding is made to see whether, to borrow the words of HT Ong (CJ Malaya) in *Herchun Singh*'s case *(supra)* "there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding." Otherwise, no judgment would ever be reversed on question of fact and the provision of s. 87 CJA 1964 that an appeal may lie not only on a question of law but also on a question of fact or on a question of mixed fact and law would be meaningless.

(lihat juga kes-kes *Jagatheesan s/o Krishnasamy v. PP* [2006] 4 SLR 45; *Yap Giau Beng Terence v. PP* [1998] 3 SLR 656; *Sakthivel Punithavathi v. PP* [2007] 2 SLR 983; *PP v. Selvarajoo Ramachandran & Ors* [2005] 6 CLJ 114; [2005] 5 MLJ 282, *Sheo Swarup v. King Emperor* [1934] LR 61 1A 398).

[13] Kesimpulan yang boleh dibuat daripada kes-kes di atas ialah Mahkamah Rayuan adalah berkewajipan untuk mengganggu sesuatu keputusan mahkamah bicara sekiranya didapati mahkamah bicara tersebut telah secara serius menyalaharahkan dirinya sehingga seseorang boleh menyatakan dengan selamat bahawa tidak terdapat mana-mana mahkamah yang bertindak secara wajar dan yang dengan betul mengarahkan dirinya serta bertanyakan soalan-soalan yang betul, akan membuat keputusan yang sama. (Lihat *Sivalingam Periasamy v. Periasamy & Anor* [1996] 4 CLJ 545).

[14] Secara khusus mengenai kes-kes rogol, mahkamah juga perlu mengambil perhatian kepada perkara-perkara berikut:

(a) bahawa adalah senang untuk seseorang membuat tuduhan rogol; tetapi sukar bagi orang yang dituduh, walaupun beliau tidak bersalah, untuk membuktikan sebaliknya. ("An accusation for rape can be made with ease; it is difficult for the person accused, though innocent, to disprove it");

(b) bahawa memandangkan bentuk intrinsik kesalahan rogol yang pada kebiasaanya melibatkan hanya dua orang (perogol dan mangsa), keterangan Pengadu hendaklah dipertimbangkan dengan secara berhati-hati. ("In view of the intrinsic nature of the crime rape where two persons are usually involved, the testimony of the complaint must be securitised with extreme caution"); dan

(c) bahawa jatuh-bangun kes pihak pendakwaan hendaklah bergantung sepenuhnya kepada meritnya sendiri, dan ia tidak boleh dibenarkan untuk mendapat kekuatan daripada kelemahan atau kecacatan dalam keterangan pihak pembelaan ("The evidence for the prosecution must stand or fall on its merits, and cannot be allowed to draw strength from the weaknesses of the evidence for the defence").

[7] Sekarang mahkamah akan memberi alasan-alasan seperti yang dipertikaikan di dalam petisyen rayuan:

Peruntukan s. 261 KTJ Tidak Dipatuhi Dan Prosiding Adalah Cacat

[8] Setelah meneliti rekod rayuan, mahkamah berpuas hati bahawa peguambela Dato' Sukri bin Mohamad yang mewakili (perayu) pada masa itu telah tidak membuat apa-apa bantahan untuk kes disambung dengar oleh HMS yang baru. Beliau tidak memohon di bawah s. 261 Kanun Tatacara Jenayah untuk meminta SP1 hingga SP8 dipanggil semula dan didengar semula di hadapan hakim baru (kedua) apabila hakim kedua tersebut mengambil alih pendengaran daripada hakim pertama. Peguambela tidak langsung memohon untuk memanggil semula saksi-saksi ini. Peruntukan s. 261 adalah seperti berikut:

Change of Magistrate during hearing

261. Whenever any Magistrate after having heard and recorded the whole or any part of the evidence in a trial ceases to exercise jurisdiction in it and is succeeded by another Magistrate who has and who exercises such jurisdiction, the Magistrate so succeeding may act on the evidence so recorded by his predecessor, or partly recorded by his predecessor and partly recorded by himself, or he may re-summon the witnesses and recommence the inquiry or trial:

Provided as follows:

(a) in any trial the accused may, when the second Magistrate commences his proceedings, demand that the witnesses or any of them be re-summoned and re-heard;

(b) the High Court may, whether there be an appeal or not, set aside any conviction had on evidence not wholly recorded by the Magistrate before whom the conviction was had, if that Court is of opinion that the accused has been materially prejudiced thereby, and may order a new trial.

[9] Di dalam kes *Ranjit Singh Jit Singh v. PP* [2012] 10 CLJ 128; [2012] 6 MLJ 316 pihak perayu telah mempertikaikan keterangan SP1 dan SP2 (yang didengar oleh hakim pertama), yang tidak dipanggil semula semasa hakim kedua mendengar kes seterusnya. Mahkamah Rayuan ketika memutuskan kes ini telah merujuk kepada nota keterangan kes seperti berikut:

At this juncture, it is germane to refer to the notes of evidence recorded at the High Court. At pp 38-39 of the appeal record at jilid 1, the proceedings on 9 March 2007 showed what had transpired at the High Court:

DALAM MAHKAMAH TERBUKA

BERTARIKH 9 MAC 2007

45-126-2004

TPR Puan Samihah bagi pihak pendakwaraya.

Peguam Encik Gurbachan Singh bagi pihak OKT.

OKT hadir.

t.t.

(DATO' KN SEGARA)

Peguam:

This case is also part-heard and very early stage of trial. No objection to case being heard before a new judge for continuation.

Timbalan Pendakwaraya:

Tiada bantahan.

Mahkamah:

Dipindahkan ke MT.J.(5) (YA Tuan Abang Iskandar) untuk menyambung perbicaraan seterusnya sehingga selesai.

Pihak-pihak dikehendaki hadir di MT.J.(5) hari ini juga untuk sebutan dan menetapkan tarikh-tarikh perbicaraan.

t.t.

(DATO' KN SEGARA).

Before the High Court, learned defence counsel who had conduct of the case in the person of Mr Gurbachan Singh agreed that the case was part-heard and to be heard by a new judge for continuation. The deputy public prosecutor – Puan Samihah, agreed and His Lordship KN Segara J (now JCA) made the order accordingly. All these showed that the parties agreed that a new judge would hear the case on a continued basis.

With respect, Mr Gurbachan Singh, an experienced criminal lawyer, did not invoke proviso (a) to s 261 of the CPC to demand from the second High Court judge – the succeeding trial judge, that SP1-SP2 be re-summoned and re-heard. The notes of evidence recorded by the second High Court judge at pp 41-42 of the appeal record at jilid 1 for the session on 30 March 2007 are self-explanatory:

DALAM MAHKAMAH TERBUKA

BERTARIKH 30 MAC 2007

Dl HADAPAN

YA TUAN ABANG ISKANDAR

t.t
(TUAN ABANG ISKANDAR)

6 MLJ 316 at 327

TPR: Cik Shoba Venu Gopal.

P/B: En. Gurbachan bagi pihak OKT.

OKT:Hadir.

J/B: En. Khairul & Cik Rehah.

P/B: Saya pohon maaf kerana berada untuk sebutan kes-kes di hadapan Mahkamah Yang Arif Pn. Nalini yang ambil masa agak panjang.

Mahkamah: Noted and accepted.

Sila teruskan dengan kes.

TPR: Saya panggil saksi ketiga pendakwaan, Lance Corporal Zainal.

[10] Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah ini, mahkamah merujuk kepada ms. 58, rekod rayuan dimana catatan semasa proses HMS kedua hendak meneruskan kes berbunyi seperti ini:

TPR: En Ahmad Salam

PB: Dato Sukri

OKT: Hadir

Mahkamah: Ini adalah kes sambung bicara di hadapan Tn Azman. Arahan daripada Pejabat CR untuk saya teruskan kes ini. Mahkamah ingin tahu sama ada pihak-pihak mempunyai bantahan sekiranya saya meneruskan kes ini.

PB: Saya tiada bantahan

TPR: Saya tiada bantahan

Pohon kes ini dimulakan pagi esok dengan Pengadu dipanggil.

Petang ini kita beri keutamaan kepada kes yang telah dimulakan pada pagi ini.

PB: Saya tiada bantahan

Mahkamah: Ke 18.4.13 (SB)

t.t
Mohd Yusof bin Yunus
9.00 pagi

[11] Mahkamah bersetuju dengan hujahan TPR yang bijaksana bahawa peguambela Dato Sukri yang mewakili perayu adalah peguam yang kompeten dan berpengalaman luas. Oleh kerana beliau tidak memohon untuk memanggil semula saksi di bawah s. 261, ini bermakna peguam telah berpuas hati dengan ketidakpanggilan semula saksi-saksi tersebut untuk memberi keterangan. Peruntukan s. 261 KTJ, proviso (a) membawa erti bahawa seseorang OKT boleh apabila bila majistret kedua memulakan prosiding, memohon mana-mana saksi dipanggil semula. Penggunaan perkataan 'boleh' (may) membawa maksud 'budi bicara' dan jika peguambela perayu tidak menggunakannya, maka HMS tidak boleh dipersalahkan apabila tidak memanggil semula saksi-saksi.

[12] HMS Kedua ini boleh bertindak atas keterangan yang telah direkodkan oleh HMS yang sebelum itu di bawah s. 261 KTJ yang antara lain menyatakan:

the Magistrate so succeeding may act on the evidence so recorded by his predecessor, or partly recorded by his predecessor and partly recorded by himself

[13] Setelah meneliti rekod rayuan, mahkamah ini berpuas hati bahawa HMS kedua telah bertindak dengan betul di atas keterangan yang telah direkodkan oleh hakim pertama sebelum ini dan peguambela terpelajar telah bersetuju untuk tidak memohon memanggil semula saksi-saksi. Oleh itu mahkamah ini memutuskan tidak timbul apa-apa prejudis kepada mana-mana pihak. Apatah lagi pihak perayu adalah diwakili oleh peguam yang kompeten dan berkelayakan serta berpengalaman luas. Mahkamah ini berpuas hati jika pun terdapat apa-apa kecacatan akibat daripada perkara ini, ianya boleh diubah oleh s. 422 KTJ.

[14] Seperkara lagi saya ingin tekankan di sini bahawa petisyen rayuan dan hujahan perayu tidak melibatkan demeanour saksi-saksi terdahulu yang telah dipanggil oleh HMS pertama. Keterangan saksi-saksi yang telah dipanggil itu tidak dicabar semasa perbicaraan dahulu. Tambahan lagi keterangan saksi utama iaitu pengadu (mangsa) bukan didengar oleh HMS terdahulu tetapi didengar oleh HMS yang kedua. Beliau mempunyai "audio and visual advantage" untuk melihat demenour saksi utama ini. Sepanjang keterangan saksi-saksi yang didengar oleh HMS pertama, tiada dicatat tentang demeanour mereka. Sekiranya peguambela bermaksud untuk mencabar kredibiliti saksi-saksi, sewajarnya berpendapat peguam akan memohon untuk direkodkan hal ini di bawah s. 271 KTJ. Namun perkara ini tidak dipohon oleh peguambela terpelajar itu sekaligus boleh diandaikan, peguambela tidak mempertikaikan demeanour saksi-saksi tersebut.

[15] Sehubungan dengan itu, saya ingin merujuk kepada kes *Abdul Hamid Udin v. PP* [2000] 1 LNS 198; [2000] 6 MLJ 334 di ms. 342, Abdul Wahab J berkata:

> The extend to which the succeeding judge can rely upon the recorded testimony and the weight to give to it must depend upon the nature of the recorded testimony, and the challenge it is subjected to. If the personal credibility of the witness is challenged, his demeanour would be material. An incoming judge would not necessarily be aware if demeanour of any particular witness is important by a reading of the record unless a note of the demeanour is recorded in accordance with s. 271 of the code …
>
> Where a judge recording the evidence had not found it necessary to record the demeanour of a witness as so provided, then it is fair and reasonable to conclude that the trial judge did not view that demeanour in court of the witness is a very important factor in accessing his credibility. In such a case, the recorded evidence is an adequate presentation of his evidence.
>
> If the accused is anxious that demeanor should be considered, proviso (a) of the section provides that he may in such cases demand that any of witnesses be re-summoned and re-heard. Such demand would make demeanour into an issue to be considered. Otherwise, consideration of the sworn testimony without reference to demeanour is not by itself a fatal flaw. It must first have been put in issue.

[16] Apa pun HMS Kedua ada menyatakan sebelum membuat keputusan, beliau telah juga melihat rakaman CRT untuk meneliti demenour saksi-saksi sebelum ini, khususnya SP7 dan SP8. Justeru itu mahkamah berpendapat bahawa hujahan peguambela mengenai perkara ini, dengan hormatnya adalah tidak mempunyai merit.

Peruntukan s. 133A Akta Keterangan 1950 Tidak Dipatuhi

[17] Perayu membangkitkan isu bahawa mahkamah bicara tidak mematuhi kehendak s. 133A Akta Keterangan 1950 ('Akta') sebelum menerima keterangan pengadu. Adalah menjadi hujahan perayu juga bahawa tiada keterangan yang menunjukkan pengadu memahami sumpah atau memahami akibat daripada bercakap bohong. Perayu menghujahkan lagi bahawa kegagalan untuk mematuhi kehendak s. 133A telah memprejudiskan perayu.

[18] Mahkamah ini memutuskan bahawa peruntukan s. 133A tidak terpakai ke atas pengadu dalam kes ini kerana pengadu bukan seorang kanak-kanak yang masih mentah tetapi merupakan seorang saksi yang matang, kredibel dan boleh dipercayai. Ini adalah kerana walaupun pada masa kejadian pengadu berusia 14 tahun 3 bulan, namun pada masa perbicaraan pengadu telah pun berusia 17 tahun 5 bulan.

[19] Peruntukan s. 133A Akta Keterangan adalah seperti berikut:

> 133A. Evidence of child of tender years.
>
> Where, in any proceedings against any person for any offence, any child of tender years called as a witness does not in the opinion of the court understand the nature of an oath, his evidence may be received, though not given upon oath, if, in the opinion of the court, he is possessed of sufficient intelligence to justify the reception of the evidence, and understands the duty of speaking the truth; his evidence, thought not given on oath, but otherwise taken and reduced into writing in accordance with section 269 of the Criminal Procedure Code shall be deemed to be a deposition within the meaning of that section:
>
> Provided that, where evidence admitted by virtue of this section is given on behalf of the prosecution, the accused shall not be liable to be convicted of the offence unless that evidence is corroborated by some other material evidence in support thereof implicating him.

[20] Apa yang jelas daripada peruntukan s. 133A ini, bukan semua kanak-kanak tertakluk kepada peruntukan ini. Seksyen 133A hanya merujuk kepada kanak-kanak yang masih mentah, ia disebut " child of tender years" dan tidak memahami sumpah ("does not understand the nature of oath"). Umur mentah di sini dan juga kefahaman kepada sumpah itu diambil kira semasa memberi keterangan dan bukannya umur semasa kejadian.

[21] Sehubungan dengan itu, saya ingin merujuk kepada kes *Zuraimi Bachok v. PP* [2013] 3 CLJ 1077; [2013] 8 MLJ 512 dimana mahkamah memutuskan:

> Di samping itu, apakah yang dimaksudkan dengan kanak-kanak dalam usia yang masih mentah? Unggapan ini tidak ditakrifkan dalam Akta Keterangan 1950. Apa yang jelas s. 133A ini tidak terpakai kepada semua kanak-kanak.Walaupun kanak-kanak telah ditetapkan sebagai gulungan yang berumur di bawah 18 tahun (lihat s. 2 Akta Kanak-Kanak 2001, s. 2 of the Age of Majority Act 1971, namun tiada takrifan khusus di mana mana telah dikemukakan oleh peguam atau TPR yang terpelajar bagi makna usia mentah itu. Daripada kes-kes yang telah dirujuk, dan dengan mengambil pendekatan konotasi, makna usia muda itu hendaklah ditakrifkan mengikut keadaan dan fakta sesuatu kes itu tersendiri termasuk mengambil kira faktor untuk berhati-hati kerana sifat kanak-kanak itu yang dikatakan mudah dipengaruhi, diajar atau diasuh untuk memberi keterangan. Kanak-kanak juga dikatakan tidak dapat membezakan antara realiti dengan fantasi serta tidak dapat membezakan antara fakta yang dihasilkan melalui pemerhatian dengan imaginasi. Namun mahkamah harus juga mengikut peredaran zaman terutamanya untuk mengambil pendekatan praktikal yang berdasarkan kepada tahap daya kognitif kanak kanak di era masa kini yang jauh tidak lagi sama dengan kanak-kanak di era terdahulu. Dalam konteks ini, mahkamah bicara boleh merujuk kepada semua keterangan yang telah dibentangkan semasa perbicaraan untuk membuat penentuan ini.
>
> Dalam rayuan ini saya berpendapat peruntukan s. 133A tidak terpakai kepada SP7.Walaupun SP7 berumur lebih kurang 12 tahun 11 bulan semasa kejadian, apa yang penting bagi pemakaian s. 133A ini ialah umur SP7 semasa dia memberi keterangan dalam perbicaraan kes ini. Tidak boleh dinafikan bahawa umur SP7 pada masa memberi keterangannya ialah lebih kurang 16 tahun 4 bulan. Dari keterangan yang telah dibentangkan sebelum dan sesudah SP7 memberi keterangannya terutamanya SP2, (rakan abangnya, SP5), SP3, SP5 sendiri, dan kemudiannya SP8, PENGADU dan SP10 jelas menunjukkan SP7 bukanlah seorang kanak-kanak yang masih atau dalam usia yang mentah atau dalam umur yang immature. Selain daripada itu tidak ada apa saranan, semasa pemeriksaan balas saksi-saksi SP2, SP3, SP5 atau SP7 sendiri bahawa SP7 telah diajar, diasuh atau tidak dapat membezakan antara hakikat dengan imaginasi. Seperti hujahan TPR, keadaan kes ini amat berbeza dengan kes-kes yang dirujuk oleh peguam yang terpelajar. Diperhatikan peguam yang terpelajar telah seolah-olah menyarankan s. 133A ini terpakai kepada semua kanak-kanak dan pendekatan atau piawaian (standard) yang harus diguna pakai itu kelihatan amat keras dan boleh menjadikannya sebagai sesuatu yang sama atau melebihi piawaian yang terpakai kepada orang dewasa. Ini tidak praktikal dan bertentangan dengan tujuan peruntukan s. 133A itu sendiri.Dalam konteks ini HMS telah, dalam keadaan yang telah dibentangkan kepada mahkamah, membuat keputusan yang betul dalam membenarkan SP7 memberi keterangannya secara bersumpah dan tiada keperluan bagi beliau untuk mematuhi kehendak s 133A berkenaan.

[22] Peguambela yang bijaksana telah merujuk kepada kes *Mohd Naki Mohd Yusuf v. Public Prosecutor* [2014] 7 CLJ 441. Mahkamah ini berpendapat bahawa kes tersebut berbeza dengan kes di hadapan mahkamah pada hari ini kerana di dalam kes tersebut SP16 dan SP17 adalah kanak-kanak yang masih muda berusia 13 dan 14 tahun. Bukan sahaja keterangan mereka amat bercanggah dengan keterangan SP18 (ibu mereka) berkenaan tarikh mereka berada di rumah ibu mereka berbanding dengan tarikh mereka melihat perayu bergaduh dengan si mati bahkan di dalam kes tersebut, hanya SP17 sahaja yang melihat pergaduhan itu tanpa ada keterangan lain yang menyokong. Sewajarnya mahkamah dalam kes tersebut menolak keterangan SP17 memandangkan usianya 13 tahun yang mana mahkamah memutuskan sebagai masih mentah apabila keterangannya bercanggah dengan keterangan lain. Oleh itu keterangan SP17 ini tidak boleh mensabitkan tertuduh tanpa keterangan sokongan.

[23] Di dalam erti kata lain, kes itu perlu dilihat secara totaliti. Mahkamah di dalam kes itu tidak mensabitkan perayu kerana tiadanya keterangan sokongan bukan kerana tiadanya keterangan sokongan bukan kerana atas sebab keterangan yang diberi oleh kanak-kanak semata-mata. Mahkamah di dalam kes itu turut berkata:

> The direct evidence that the appellant was the person who hit the deceased with an iron rod came from a child witness (SP16) who had given evidence on oath and whose evidence was not corroborated. The manner a child witness may choose to give his/her evidence is provided by the Evidence of Child Witness Act 2007. Section 133A of the Evidence Act 1950 provides for the weight to be given to the evidence of a child witness and the proviso to this s. 133A expressly provides that an accused is not liable to be convicted unless the evidence is corroborated by some other material evidence thereof implicating him. We observe that the trial judge who heard the evidence of child witness SP16, as well as the trial judge who heard the evidence of child witness SP17, had not conducted a preliminary inquiry as to their comprehension of the duty of speaking the truth and the nature of an oath or affirmation.

[24] Di dalam kes *Mohd Nahar Abu Bakar v. PP* [2013] 5 CLJ 977; [2014] 2 MLJ 373 Mahkamah Rayuan memutuskan:

> The learned trial judge had found that SP15 to be a witness of truth. We see no reason to disturb His Lordship's finding. SP15's evidence, considered with all other evidence, leads towards an irresistible inference that it was the appellant who was at the crime scene on that fateful day.
>
> [53] SP15 was 15 years old when she gave evidence. Section 133A of the Evidence Act 1950 provides that a conviction cannot stand on the uncorroborated evidence of an unsworn child (see *Public Prosecutor v. Richard Devadasan a/l Sabariah* [2005] 3 MLJ 17).

A

> [54] In the instant case, as demonstrated above, there is ample evidence to support the prosecution's case. These evidence are independent testimony which affects the appellant by connecting him to the crime. In our considered view, SP15's evidence was only the icing to the cake. Therefore, learned counsel's submission that SP15's evidence was not corroborated is without merit.

B

[25] Sehubungan dengan itu, mahkamah ini memutuskan bahawa keterangan Pengadu boleh diterima dan tidak tertakluk kepada s. 133A Akta Keterangan.

Saksi SP9 (Pengadu) Adalah Saksi Yang Tidak Kredibel Dan Keterangan Sokongan
C *Untuknya Adalah Lemah*

[26] Mahkamah ini telah meneliti rekod rayuan dan bersetuju dengan dapatan HMS bahawa pengadu adalah seorang saksi yang kredibel. Justeru keterangan pengadu ini boleh berdiri dengan sendirinya.

D **[27]** Mahkamah bersetuju pada dasarnya kes seksual tidak memerlukan keterangan sokongan. Saya merujuk kepada kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal* Federal Court (Putrajaya) [2015] 2 CLJ 145; [2015] 2 MLJ 293, yang mengesahkan bahawa keterangan sokongan bagi kes seksual adalah hanya atas kerana amalan dan pruden sahaja, bukanlah ia merupakan suatu tuntutan undang-undang. Arifin Zakaria, Ketua Hakim Negara,
E berkata:

> The law on corroboration of the evidence of a victim in a sexual offence is settled in our jurisdiction. In this regard, the Court of Appeal had correctly addressed the law by referring to various authorities both here and in other Commonwealth jurisdictions. As a matter of practice and
F prudence, not of law, corroboration is normally required in a sexual offence. Where corroboration is dispensed with, and the complainant's evidence is accepted as having established the case against an accused, the judge as a matter of law is required to warn himself of the danger of convicting on the uncorroborated evidence of the complainant. This requirement of the law is aptly put by Robert CJ in *Public Prosecutor v.*
G *Emran bin Nasir* [1987] 1 MLJ 166 in the following words: I warn myself that, on a charge of rape, it is dangerous to convict on the evidence of the complainant alone, since experience has shown that female complainants have told false stories for various reasons.However, it is open to me, giving full weight to the warning that it is dangerous for me
H to convict without corroborative evidence, if I conclude that the complainant is, without doubt, speaking the truth. The case also propounded that 'To amount to corroboration the evidence must confirm to some important respect to the girl's evidence that intercourse took place … and that it was the defendant who committed the offence'. Although the case pertains to a female victim in a rape case it is equally applicable
I to a male victim in a sodomy case, such as in this appeal.

It was submitted by the prosecution that the evidence of PW1, even without any corroboration is credible and probable, and on its own was sufficient to prove the charge against the appellant. His evidence, it was argued, is akin to that of a female rape victim who will not ordinarily 'stake her reputation by levelling a false charge concerning her chastity' (a phrase taken from *State of Maharashtra v. Chandraprakash Kewal Chand Jain* AIR 1990 SCC (1) 550). Similarly, for PW1 to come out publicly to testify that he had been sodomised would obviously subject him and his family to ridicule. There was therefore no reason for him to level a false accusation against the appellant as the stigma will remain for his lifetime.

[75] This proposition is supported by a passage in *Chandraprakash Kewalchand Jain* where the Supreme Court of India stated:

A prosecutrix of a sex offence cannot be put on par with an accomplice. She is in fact a victim of the crime. The Evidence Act nowhere says that her evidence cannot be accepted unless it is corroborated in material particulars …

What is necessary is that the court must be alive to and conscious of the fact that it is dealing with the evidence of a person who is interested in the outcome of the charge levelled by her. If the court keeps this in mind and feels satisfied that it can act on the evidence of the prosecutrix, there is no rule of law or practice incorporated in the Evidence Act similar to illustration (b) to Section 114 which requires it to look for corroboration. If for some reason the court is hesitant to place implicit reliance on the testimony of the prosecutrix it may look for evidence which may lend assurance to her testimony short of corroboration required in the case of an accomplice.

[76] Similarly, our Evidence Act does not require any corroboration in sexual offences and a conviction for such offences may rest entirely on the credibility of the complainant. The need for corroboration remains a rule of good practice and prudence as stated by Thomson LP in *Din v. Public Prosecutor* [1964] 1 MLJ 300, who opined:

[77] Similarly, in *Public Prosecutor v. Mardai* [1950] 1 MLJ 33, Spenser Wilkinson J had occasion to say:

Whilst there is no rule of law in this country that in sexual offences the evidence of the complainant must be corroborated; nevertheless it appears to me, as a matter of common sense, to be unsafe to convict in cases of this kind unless either the evidence of the complainant is **unusually convincing** or there is some corroboration of the complainant's story. It would be sufficient, in my view, if that corroboration consisted only of a subsequent complaint by the complainant herself provided that the statement implicated the accused and was made at the first reasonable opportunity after the commission of the offence. (emphasis added.)

A [78] The 'unusually convincing' test was explained in *Public Prosecutor v. Mohammed Liton Mohammed Syeed Mallik* [2008] 5 SLR 601 in the following words:

> … testimony that, when weighed against the overall backdrop of the available facts and circumstances, contains that ring of truth which leaves
B the court satisfied that no reasonable doubt exists in favour of the accused.

[79] The Indian Supreme Court in *State of Kerala v. Kurissum Moottil Antony* AIR 2007 SCW 1507 took a similar stand that corroboration is not a pre condition to secure a conviction in sexual offences. What is required is that a judge must be conscious, as a matter of prudence, that in some
C instances it is necessary to have corroboration. It opined:

[28] Justeru, adalah jelas dari nas-nas di atas, keterangan sokongan adalah hanya amalan dan pruden sahaja dan bukan tuntutan undang-undang, terhadap keterangan pengadu yang diberikan oleh pengadu.

D **[29]** Namun begitu, mahkamah ini berpuas hati bahawa terdapat keterangan sokongan yang melimpah ruah di dalam kes ini yang akan disentuh sebentar nanti.

[30] Maksud keterangan sokongan telah dijelaskan di dalam banyak otoriti-otoriti tersohor. Di dalam kes *Aziz bin Muhamad Din v. Public Prosecutor*
E [1997] 1 CLJ Supp 523; [1996] 5 MLJ 473, Augustine Paul J berkata:

> Corroboration is not a technical term. It simply means 'confirmation' (see *DPP v. Hester* [1973] AC 296). The locus classicus on what amounts to corroborative evidence is the celebrated case of *R v. Baskerville* [1916] 2 KB 658 where Lord Reading CJ said at p 667:
>
F > > We hold that evidence in corroboration must be independent testimony which affects the accused by connecting or tending to connect him with the crime. In other words, it must be evidence which implicates him, that is, which confirms in some material particular not only the evidence that the crime has been
G committed, but also that the prisoner committed it.

[31] Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan TPR yang bijaksana bahawa keterangan sokongan boleh juga terzahir dari fakta kes itu sendiri dan juga logik. Di dalam kes *Brabakaran v. Public Prosecutor* [1965] 1 LNS 12; [1966] 1 MLJ 64 Mahkamah Persekutuan menyatakan:

H > Corroborative evidence is not necessarily restricted to the oral evidence of an independent witness. Corroboration can equally well be afforded by established facts and the logic of established facts sometimes speaks even more eloquently than words. We are of opinion that if, during the period of her elder sister's confinement, it was necessary for the girl to remain
I in her sister's house in order to help look after her sister's children, when the appellant's mother had to go to hospital again and the girl's services

were again called for, it was more than probable that what she said was true and that she, in fact, went to assist her sister's family during the absence of the appellant's mother in hospital from April to May. It has not been suggested that this girl was in any way promiscuous; it was not suggested that she had any male friends, and it is equally clear that whatever might have been her state of mind towards the first act in December, she was more than a willing party in all the subsequent acts of intercourse with the appellant. We do not consider it necessary for the prosecution to indulge in a process of elimination when there was no suggestion that anybody else even remotely connected could have had intercourse with this girl. For the reasons above stated, we are entirely satisfied that the learned trial judge was right in convicting the appellant and his appeal on conviction is accordingly dismissed.

[32] Ke arah itu, mahkamah telah meneliti rekod rayuan secara terperinci dan bersetuju dengan TPR yang bijaksana bahawa terdapat banyak keterangan sokongan ke atas keterangan pengadu. Keterangan sokongan ini terzahir daripada keadaan fakta kes ini sendiri, keterangan logik saksi-saksi lain serta perlakuan perayu sendiri. HMS adalah betul apabila mengambil kira keterangan-keterangan sokongan temu bual seperti berikut:

(a) Di Balai Polis Binjai, pengadu diarahkan oleh perayu sendiri untuk naik ke bilik perayu. Abang pengadu iaitu SP7 telah dihalang oleh perayu sendiri dan diarahkan untuk tidak mengikuti mereka ke bilik perayu. Ini semua menunjukkan perancangan dan persediaan perayu untuk melakukan perbuatan rogol ini dengan memastikan bahawa di dalam bilik tersebut hanya dia dan pengadu sahaja yang ada, sekaligus memberi perayu peluang untuk melakukan perbuatan tersebut. Keterangan-keterangan itu boleh diterima masuk di bawah s. 8 Akta Keterangan menunjukkan 'conduct preparation and opportunities". Untuk memberi rangsangan, perayu telah menanya pengadu dan pengadu mengiakan pertanyaan perayu bahawa pengadu sudah banyak kali melakukan hubungan seks dengan teman lelakinya. Perayu kemudian telah menyuruh pengadu membuka seluar dan baring di sofa dan perayu kemudian telah menjilat kemaluannya dan telah merogolnya.

(b) Tempoh waktu perayu bersama dengan pengadu di biliknya antara jam 4.30 sehingga Kpl Harun naik adalah menyokong kemungkinan berlakunya perbuatan rogol ini. Berdasarkan keseluruhan keterangan kejadian berlakunya rogol ini adalah amat munasabah dan "highly probable". Waktu yang begitu lama pengadu berada di bilik perayu bersama perayu menguatkan wujudnya kejadian ini. Ini adalah kerana pertanyaan dan siasatan perayu adalah hanya untuk bertanyakan berapa kalikah pengadu telah melakukan hubungan seks dengan teman lelakinya yang sewajarnya memakan masa sekejap sahaja.

A (c) Perlakuan perayu yang berbincang terus (immediately) dengan SP7 dan Azman tentang kebimbangan perayu jika pengadu mengandung menyokong fakta bahawa kejadian rogol itu memang berlaku. Mengapa perayu begitu khuatir mengenai hal ini jika beliau tidak terlibat di dalam kejadian ini. Perlakukan perayu sedemikian sekali lagi menyokong
B kebenaran keterangan pengadu, dan boleh diterima masuk di bawah s. 8 Akta Keterangan. Seperkara lagi perlakuan perayu yang sengaja merancang untuk mengadakan sesi kaunseling untuk pengadu tetapi tidak melaksanakannya pada esoknya seperti janji menunjukkan niat perayu untuk "menyedapkan hati" ahli keluarga pengadu supaya
C pengadu tidak ceritakan kepada ahli keluarga apa yang perayu telah lakukan ke atasnya. Sebenarnya tidak ada keperluan kaunseling bagi pengadu kerana perhubungan beliau dengan teman lelakinya (Hasni) sudah sememangnya intim dan telah sebelum ini melakukan perhubungan seks dengannya tidak berasa tertekan dan rungsing

D (d) Apabila pengadu dengan jujurnya mengakui pernah melakukan seks bersama Hasni, maka ini menunjukkan tiada sebab untuk menuduh atau menganiayai perayu dengan keterangan bahawa perayu merogolnya, seperti prinsip di dalam kes *Brabakaran (supra)* melainkan keterangan ini adalah benar. Pengadu adalah pelajar sekolah manakala perayu adalah
E Ketua Polis Balai, yang mengetuai Balai Polis Binjai. Mereka tidak mengenali satu sama lain. Mereka hanya bertemu di balai polis itu pada masa kejadian sahaja. Justeru tidak ada apa-apa inferens boleh dibuat bahawa pengadu mempunyai niat buruk terhadap perayu. Keterangan ini menyokong keterangan pengadu bahawa perayu telah merogolnya.

F (e) Saya berpuas hati bahawa Hakim Sesyen adalah betul apabila beliau telah mengambil kira perkara-perkara pengadu ada menceritakan kejadian rogol ini kepada SP8 iaitu kakak iparnya, pada 17 Oktober. Ini adalah satu bentuk sokongan kepada pengadu.

[33] Di dalam kes: *Liew Kim Kong v. Public Prosecutor* [1989] 2 CLJ 914;
G [1989] 2 CLJ (Rep) 819; [1989] 3 MLJ 323 (Singapore Court of Appeal). Mahkamah menerima keterangan mangsa yang menceritakan kepada keluarganya sebagai keterangan sokongan:

> When the complainant telephoned her sister on the morning of 10 June, she stated unequivocally that she had been raped, that is
H to say that there had been penetration. It is true that later in the day, when recounting the incident to her mother, her sister and Angela, the complainant had said that there had been pain but that she did not know if there had been penetration. That apparently surprising statement is explained by the complainant's evident reluctance to speak to her mother about the episode, illustrated by
I her refusal to communicate when she was seen crying by her mother at 8am.

> It is clear from a plain reading of s. 159 of the Evidence Act that evidence of the complaint to the sister on the telephone, and then the complaint to the mother, sister and Angela was admissible as corroboration of the complainant's own evidence as to the offence. It is clear that the learned trial judge looked for corroboration and properly regarded that evidence as corroborative, that is to say as evidence which confirmed in material particulars, not only that the complainant had been raped, but also that the appellant had raped her – see *R v. Beck* [1982] 1 All ER 807.

Mahkamah juga ingin merujuk kepada *"Sarkar on the Law of Evidence"*, 16th edn, vol. 2, ms. 2844:

> Statement that she was raped some time or shortly after the crime though not admissible under s. 6 is admissible under s. 157 for corroboration (*Md Afzal v. R*, A 1950 L 151; *Bechu v. R*, A 1949 C 613 (not following *Chamuddin v. R, A* 1936 C 18; *Sikandar v. R* 41 CWN 641; *Taser v. R*, 44 CWN 835: *Nur Md v. R*, 38 CWN 108; *S v. Pichika*, A 1963 Or 58).

Rujuk ms. 2851, *Sarkar on the Law of Evidence*,17th edn, vol. 2:

> Rape Cases – Statement of ravished girl alleging that she was raped made immediately after or shortly after the event is admissible as corroborative evidence under s. 157 and also as conduct under s. 8 (see illus f) [*Soosalal v. R*, 82 IC 142, *Harendra v. R*, 44 CWN 830; *Parbati v. S*, A 1952 C 831; *S v. Pichika A* 1963 Or 58; *Radhya Sham v. State of J and K*, 1988 Cri LJ 447,451: (1987) 3 Crimes 443 [J & K]

Di dalam kes, *State of Orissa v. P. Parvatisam* 1963 AIR Ori 58 (High Court), ms. 59 Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> The legal position is that the previous statement of the complainant at about the time of occurrence is legally admissible and relevant as evidence of conduct under s. 8 of the Evidence Act. It is also admissible as corroboration of the evidence of the complainant in court under s. 157 of the Evidence Act. What weigh is to be attached to such statement is of course a different matter. In some cases its weigh may be nil, but in other cases, where corroboration is not essential to conviction, conduct of this kind may be more than enough to justify acceptance of the complainant's story. This depends on the facts of each case.

Di dalam kes *Parbati Devi v. State AIR* 1952 Cal 832 (High Court), di ms. 833, Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> A statement made by the girl shortly after the occurrence would in many cases be taken as corroborative evidence. Whether a corroboration should be considered sufficient or not is really a question of fact and the time which elapses between the occurrence and her statement has to be considered.

Di dalam kes *Karthiyayani & Anor v. Lee Leong Sin & Anor* [1974] 1 LNS 61; [1975] 1 MLJ 119 (Federal Court) memutuskan:

> In my judgment the finding of the learned judge shows that certain salient features of this aspect of the evidence were missed or were not properly appreciated. It is settled law that a person cannot corroborate himself but it would appear that section 157 of the Evidence Act enables a person to corroborate his testimony by his previous statement. The section adopts a contrary rule of English jurisprudence by enacting that a former statement of a witness is admissible to corroborate him, if the former statement is consistent with the evidence given by him in court. The rule is based on the assumption that consistency of utterance is a ground for belief in the witness's truthfulness, just as inconsistency is a ground for disbelieving him. As for myself, although the previous statement made under section 157 is admissible as corroboration, it constitutes a very weak type of corroborative evidence as it tends to defeat the object of the rule that a person cannot corroborate himself. In my opinion the nature and extent of corroboration necessary in such a case must depend on and vary according to the particular circumstances of each case. What is required is some additional evidence rendering it probable that the story of the witness is true and that it is reasonably safe to act upon it. If a witness is independent, ie, if he has no interest in the success or failure of a case and his evidence inspires confidence of the court, such evidence can be acted upon.

[34] Kesemua keterangan pengadu dalam kejadian ini adalah konsisten dengan semua saksi. Mahkamah ini ambil maklum bahawa apa yang berlaku antara pengadu dan OKT di bilik OKT, tiada saksi yang melihat. Oleh itu keterangan yang menyokong pengadu adalah kebenaran segala keterangannya sebelum dan selepas itu. Apa yang berlaku di antara pengadu dengan OKT hanya boleh diambil melalui keterangan pengadu sahaja. Setelah meneliti rekod rayuan, mahkamah berpuas hati bahawa HMS membuat penilaian keterangan pengadu sebagai unusually convincing dan mengambil keterangan PENGADU tanpa perlu sokongan adalah tepat. Rujuk kes: *Public Prosecutor v. Mardai* [1949] 1 LNS 65; [1950] 1 MLJ 33 yang dirujuk di dalam kes *DSAI v. PP (supra).*

[35] HMS telah melihat dan menilai sendiri demenour pengadu semasa memberi keterangan dan memutuskan bahawa keterangan pengadu adalah amat meyakinkan sehinggakan tidak memerlukan keterangan sokongan. Ini telah saya tekankan sebelum ini. Saya merujuk kepada kes *Andy Bagindah v. PP* [2000] 3 CLJ 289; [2000] 3 MLJ 644, di ms. 274, dinyatakan seperti berikut:

> When it came to the assessment of the credibility of the witnesses, the appellate court should not interfere with findings of the trial judge as the trial judge was a better person to assess such findings.

Laporan Perubatan Dan Keterangan SP1 Dan SP2 Tidak Membantu Pendakwaan

[36] SP1 dan SP2 adalah Pakar Perubatan dan mengesahkan ada koyakan lama pada kemaluan pengadu. Penemuan ini adalah satu bentuk sokongan kepada pengadu bahawa dia ada melakukan hubungan seks dangan teman lelakinya 'Hasni' sebelum OKT merogolnya. Penemuan kedua-dua doktor tentang koyakan lama ini bukannya menidakkan keterangan pengadu bahawa OKT telah merogolnya pada 15 Oktober 2007 itu. Mahkamah ini bersetuju dengan dapatan HMS bahawa ini sebenarnya menguatkan lagi keterangan tentang kejujuran pengadu yang menunjukkan bahawa dia tiada sebab untuk mengalihkan kesalahan bahawa dia pernah melakukan hubungan seks, dengan menunding jari kepada OKT melainkan ianya benar-benar berlaku. Jelas pengadu tiada motif untuk menuduh OKT dalam hal ini sebab ia benar-benar belaku. SP2 juga menyatakan bahawa tidak semestinya jika hubungan seks berlaku, akan ada koyakan pada kemaluan.

[37] Berbalik kepada pengadu, ia mengesahkan bahawa beliau telah dirogol. Bagi kesalahan rogol, intipati yang perlu dibuktikan adalah kemasukan, dan bukannya koyakan. Pengadu telah memberitahu ada kemasukan kemaluan OKT ke dalam kemaluannya. Ini disahkan oleh keterangan medical melalui keterangan SP1 dan SP2 dan Laporan Perubatan P2 dan P3. Mereka tidak pada bila-bila masa pun menyatakan bahawa tidak berlaku kemasukan kemaluan OKT ke dalam kemaluan pengadu. Apa yang dinyatakan oleh mereka adalah koyakan pada kemaluan adalah koyakan lama. Mahkamah sedar bahawa adalah logic dan wajar SP1 dan SP2 tidak boleh memberi pendapat bahawa koyakan pada kemaluan SP6, adalah disebabkan kemasukan kemaluan OKT dan bila kemasukan itu berlaku. Lihat kes *Pendakwa Raya lwn. Mohamad Malek Ridhzuan Che Hassan* [2013] 8 CLJ 359; [2014] 1 MLJ 362 *(supra).*

[38] Ke arah itu mahkamah bersetuju dengan dapatan HMS yang memutuskan bahawa amat sukar dalam keadaan fakta kes ini untuk mendapatkan sebarang keterangan langsung yang dapat membuktikan 'kemasukan' (penetration) kecualilah pengadu seorang sahaja kerana kejadian berlaku hanya pengadu dengan OKT.

[39] Dengan bersandarkan keterangan SP1 dan SP2 dan Laporan-Lapporan Perubatan (P2 dan P3) yang mengesahkan ada koyakan lama dan keterangan pengadu yang "unusually conviving" HMS adalah betul apabila memutuskan wujudnya elemen "penetration" (Kemasukan sekaligus membuktikan kesalahan rogol ini telah berlaku.

[40] Ke arah itu mahkamah ini berpuas hati bahawa walaupun keterangan sokongan tidak diperlukan, namun keterangan-keterangan sokongan yang terdapat di dalam Laporan Perubatan (P2) dan (P3) adalah kukuh untuk mahkamah ini mengekalkan dapatan HMS dan mengesahkan sabitan ini.

Laporan Kimia Tidak Membantu Pendakwaan

[41] Peguambela membangkitkan isu bahawa keputusan laporan kimia (P8) tidak membantu kes pendakwaan. Di dalam laporan itu menyatakan bahawa ada:

- 'A male DNA profile was derived from indicated bloodsatins on bed sheet "P" which did not match with DNA profile derived from bloodstained specimen "10A" (labelled "Mahmad bin Bidin"
- A male DNA profile was derived from semen sayins on bed sheet "P" which did not match with the DNA profile derived from bloodstained specimen "10A" (labelled "Mahmad bin Bidin")

[42] SP11, Pegawai Penyiasat menyatakan bahawa selepas pemeriksaan di Balai Polis Binjai, beliau telah pergi ke lokasi di mana mangsa mengaku melakukan hubungan seks di rumahnya dengan teman lelakinya. Di rumah itu SP11 menjumpai beberapa tompok disyaki air mani di atas cadar dan merampas cadar dan seterusnya dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa.

[43] Menurut SP11, beliau hanya menjumpai rambut di atas sofa, di tempat kejadian. Tiada apa-apa eksibit lain dirampas di Balai Polis itu

[44] Oleh yang demikian, mahkamah ini berpendapat laporan kimia yang melaporkan bahawa kesan darah dan air mani pada cadar tidak sepadan dengan OKT adalah tepat dan menguatkan kes pendakwaan. Ini adalah kerana cadar itu bukan dirampas di bilik OKT, tempat kejadian tetapi dirampas di rumah pengadu dan memang wajar keputusan DNA itu merujuk kepada lelaki lain. Lelaki lain ini mungkin teman lelaki pengadu sebagimana diceritakan oleh pengadu. Dengan itu hujahan peguam bijaksana di dalam hal ini tidak mempunyai merit.

[45] Sehubungan dengan itu, mahkamah ini berpuas hati dengan dapatan HMS bahawa dengan keterangan yang kukuh telah dibuktikan, khususnya keterangan pengadu yang 'unusually convincing' serta keterangan-keterangan sokongan, di atas penilaian maksima, satu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwa dan OKT dipanggil membela diri.

Pembelaan OKT, D10 Dan D11 Tidak Diberi Pertimbangan

[46] Peguambela bijaksana menyarankan bahawa HMS tidak memberi pertimbangan sewajarnya mengenai pembelaan khususnya D10 dan D11. Saya berpuas hati bahawa HMS dalam alasannya telah menilai secara maksima keseluruhan pembelaan OKT semasa di peringkat kes pembelaan dengan teliti. HMS juga telah menilai eks. D10 dan D11 yang dibuat oleh OKT sendiri. Walaupun kedua-duanya merupakan 'self serving statement' HMS telah memberikan pertimbangan sewajarnya. HMS juga telah menimbangkan dan lain-lain yang mana ianya menunjukkan penafian Perayu mengenai kejadian ini.

Di ms. 233 dan 234 rekod rayuan, HMS berkata: A

> terdapat keraguan pada D11 tentang soal siasat terhadap "Hasni". Dari keterangan anggota polis Balai Polis Binjai iaitu SP4, SP5 dan SP6 tidak ada langsung keterangan yang menunjukkan bahawa tertuduh ada membuat soal siasat terhadap "Hasni". Keterangan yang ada Cuma adalah SP4 diarah oleh tertuduh untuk membuat soal siasat terhadap "Hasni". Oleh itu saya berpendapat bahwa "Hasni" ada melakukan hubungan seks dengan SP9 pada 15.10.2009 adalah rekaan tertuduh semata-mata dan untuk melindungi perbuatan beliau terhadap SP9. B

Di ms. 234 hingga 235 rekod rayuan HMS berkata:

> keengganan keluarga SP9 untuk membuat lapporan polis seperti yang dinyatakan dalam D11 bertentangan dengan hasrat SP9 dan SP7 bersama keluarga datang ke balai yang bertujuan untuk membuat laporan polis, bertentangan juga dengan keterangan SP4 dan SP5, dua anggota polis yang bertugas pada hari kejadian di mana report tidak dibuat atas arahan tertuduh. Ini juga adalah merupakan rekaan tertuduh untuk melindungi perbuatan beliau. C D

[47] Hasil penelitian, mahkamah berpuas hati dengan dapatan HMS bahawa keterangan pembelaan adalah berbentuk penafian semata-mata seperti di ms. 226-236. Prinsip undang-undang ini dirujuk melalui kes *PP v. Ling Tee Huah* [1980 1 LNS 212: E

> The mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence is not sufficient

[48] Sehubungan dengan itu, mahkamah berpuas hati di akhir kes pembelaan, HMS telah membuat penilaian yang maksima terhadap keterangan pihak pembelaan dan mendapati bahawa ianya gagal menimbulkan keraguan yang munasabah (lihat ms. 235 RR). Seterusnya HMS mensabitkan perayu (OKT). Mahkamah dapati bahawa dapatan ini adalah betul dan selamat. Ke arah itu mahkamah memutuskan bahawa HMS tidak tersilap dan ryauan terhadap sabitan ditolak. F

Hukuman G

[49] Hukuman 15 tahun dan 8 sebatan adalah di dalam lingkungan yang dibenarkan oleh undang-undang.

[50] Mahkamah ini berpendapat hukuman tersebut adalah sesuai dan tepat. Kesalahan merogol adalah serius. Apatah lagi ini adalah rogol ke atas budak di bawah umur dan OKT sendiri adalah seorang pegawai polis yang berpengalaman dan telah berusia. Atas sifat beliau sebagai seorang pegawai polis yang sentiasa menjaga keamanan dan ketenteraman awam serta jawatannya sebagai OCS adalah amat wajar OKT dikenakan hukuman sedemikian. Apa yang tidak sepatutnya OKT lakukan telah dilakukan oleh OKT dengan mengambil kesempatan di atas kesusahan keluarga pengadu H I

A yang datang ke balai untuk menyelesaikan kes. Kesalahan yang dilakukan oleh OKT sewajarnya lebih berat daripada orang lain yang melakukan keslaahn kerana OKT lebih mengetahui undang-undang dan juga lebih berotoriti daripada orang awam yang lain. Di sini, apabila berlaku kejadian ke atas mangsa, perayu boleh lah digolongkan sebagai "harapkan pagar, pagar
B makan padi". Kes *PP v. Emran bin Nasir* [1986] 1 LNS 69; [1987] 1 MLJ 166, seorang pegawai polis merogol wanita, adalah menyalahgunakan kedudukan sebagai pegawai polis 'as a guardian of the law'.

[51] OKT semasa kejadian telah mengambil kesempatan atas keadaan mangsa yang telah tertangkap oleh abangnya SP7 berada bersama teman
C lelakinya.

[52] OKT juga telah dengan curangnya telah menyatakan tentang akta telah berubah dan Pengadu bukan lagi di bawah umur apabila diajukan persoalan tentang laporan polis. OKT juga telah membangkitkan soal menggugurkan kandungan dan juga tentag soal kaunseling untuk melindungi kesalahannya.
D

[53] OKT juga telah melakukan kesalahan tersebut semasa dalam tugasan. Beliau telah mengambil masa tugasan dan menggunakan kesempatan orang yang hendak melaporkan kes kepada polis, untuk kepentingan memuaskan nafsu beliau sendiri. OKT telah menjatuhkan imej polis dan imej penjawat awam keseluruhannya.
E

[54] Atas kepentingan awam satu hukuman deteren wajar dikenakan ke atas perayu. Kesalahan sebegini adalah kesalahan serius dan apabila dilakukan oleh seorang pegawai polis menambahkan lagi kesan seriusnya kesalahan yang dilakukan. Pandangan masyarakat memandang jijik kepada kejadian
F sebegini dan melibatkan pula pegawai polis harus digambarkan dan direalisasikan oleh hukuman yang mahkamah jatuhkan sepertimana yang dilakukan oleh HMS.

[55] Ke arah itu Mahkamah ini mendapati bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh HMS adalah betul dan selamat.

G **[56]** Kesimpulannya rayuan perayu ditolak. Sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh HMS adalah dikekalkan.

H

I